




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 199 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 34,282 kes. Tiada kes kematian dilaporkan.
- 2 Pada hari ini, seramai 342 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 31,621 orang. Sejumlah 1,994 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 613 orang di hospital dan 1,381 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 57 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu dilaporkan iaitu:
  - i. Kluster Brumas di Kalabakan mencatatkan sebanyak enam (6) kes hari ini menjadikan jumlah kumulatif 16 kes, Kluster ini dikesan melalui saringan kontak rapat di Kem Brumas Kalabakan; dan
  - ii. Kluster Keris Residence di Daerah Kota Kinabalu mencatatkan 38 kes hari ini dan jumlah kumulatif 41 kes.
- 5 Daripada 199 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 79 kes (39.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 71 kes (35.7%), saringan bergejala 30 kes (15.1%), saringan pra kemasukan wad 4 kes (2%), saringan komuniti 2 kes (1%) dan 13 kes (6.5%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,416 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,382 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.24%.

#### **B. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) RUMAH IBADAT KETIKA SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

- 1 Kerajaan Negeri bersetuju untuk membenarkan penganut Kristian mengikuti sesi upacara sembahyang pada 24 Disember 2020 dan 25 Disember 2020 di kawasan-kawasan yang dilaksanakan PKPB dengan mengikuti SOP ketat seperti berikut:
  - i. Membuka kaunter saringan kesihatan penganut di pintu masuk bertujuan menghadkan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala seperti demam, batuk, sesak nafas dan selesema. Hanya penganut yang sihat sahaja dibenarkan masuk;
  - ii. Semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat, Ketua Agama dan Petugas perlu menjalani saringan kesihatan sebelum memulakan tugas;
  - iii. Sediakan pendaftaran secara QR kod aplikasi MySejahtera dan dipaparkan di pintu masuk untuk tujuan *self check-in* atau daftar di dalam Buku Kehadiran;
  - iv. Tidak dibenarkan upacara atau aktiviti yang melibatkan sentuhan;

- v. Jumlah kehadiran hanya **TERHAD 50%** daripada kapasiti rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal; dan
  - vi. Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 1 jam 30 minit setiap sesi dan diselangi dengan operasi sanitasi selama 45 minit sebelum waktu sembahyang berikutnya.
- 2 Manakala upacara sambutan perayaan Pra-Natal dan Hari Natal bagi tetamu yang berkunjung ke rumah kediaman adalah **DIHADKAN TIDAK MELEBIHI 2 JAM**.
  - 3 Maklumat terperinci mengenai SOP tersebut boleh dirujuk di **LAMPIRAN A**.

#### **C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **300,768** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

#### **D. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 15 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 203 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

**E. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Ranau	98%
10	Penampang	98%
11	Papar	98%
12	Kota Marudu	98%
13	Beluran	98%
14	Sandakan	98%
15	Lahad Datu	97%
16	Tuaran	97%
17	Keningau	97%
18	Tenom	97%
19	Tawau	97%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

## **F. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis di empat (4) Daerah iaitu Semporna, Kinabatangan, Keningau dan Lahad Datu.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 44 lokasi di lima (5) daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putus rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

19 Disember 2020

 <b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT</b>				
<b>SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB))</b>				
AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN SEMASA TIBA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM</b>  Semasa ketibaan di rumah ibadat bukan Islam	Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 1 jam 30 minit dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 45 minit sebelum waktu sembahyang berikutnya.  50% daripada kapasiti rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran  Menyediakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangan petugas bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran penganut  Cara masuk rumah ibadat mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan fizikal  Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air  Kerap melakukan proses pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh dan ruang ibadat serta peralatan sembahyang  Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan penganut di dalam dewan dan ruang ibadat, sekurang-kurangnya 1 meter	Persiapan semasa rumah ibadat bukan Islam beroperasi  Pemilihan penganut untuk hadir sembahyang tertakluk kepada pihak pengurusan rumah ibadat bukan Islam  Penganut yang menghidap penyakit kronik, warga emas dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah tidak digalakkan hadir  Ahli Jawatankuasa Pengurusan rumah ibadat bukan Islam terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja	Penganut berkumpul di luar/ kawasan lapang rumah ibadat bukan Islam  Bersalaman, berpelukan, bersembang di luar/ kawasan lapang rumah ibadat bukan Islam  Penganut / Petugas yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas tidak dibenarkan  Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar rumah ibadat seperti kelas keagamaan dan kebudayaan

Tarikh dikemaskini: 19 Disember 2020

 <b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT</b>				
<b>SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB))</b>				
AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM</b>  Penganut semasa berada di dalam rumah ibadat bukan Islam	Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 1 jam 30 minit dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 45 minit sebelum waktu sembahyang berikutnya.  50% daripada kapasiti rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal	Mewajibkan penganut memakai pelitup muka sepanjang masa  Mewajibkan penganut mengamalkan penjarakan fizikal  Penganut kerap menggunakan <i>hand sanitizer</i> peribadi sepanjang masa	Pematuhan SOP diwajibkan  Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.	Aktiviti berkumpul penganut di dalam rumah ibadat bukan Islam  Bersalaman, berpelukan, bersembang di dalam rumah ibadat bukan Islam  Berkongsi peralatan dan bahan sembahyang  Mengadakan sebarang aktiviti berjadual seperti kelas keagamaan dan kebudayaan

Tarikh dikemaskini: 19 Disember 2020

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT****SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB))**

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM</b>  Semasa keluar bangunan rumah ibadat bukan Islam	Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 1 jam 30 minit dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 45 minit sebelum waktu sembahyang berikutnya.  50% daripada kapasiti rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal	Penganut dinasihatkan memakai pelitup muka sepanjang masa  Mewajibkan penganut mengamalkan penjarakan fizikal  Cara keluar rumah ibadat mesti mengikut giliran dengan beratur	Pematuhan SOP diwajibkan  Penganut perlu bersurai dalam keadaan tenang, tersusun, tertib dan bergilir.	Aktiviti berkumpulan di dalam atau di luar rumah ibadat bukan Islam  Bersalaman, berpelukan, bersembang di dalam / luar rumah ibadat bukan Islam  Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan

Tarikh dikemaskini: 19 Disember 2020

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT****SOP UNTUK MENYAMBUK PERAYAAN PRA-NATAL (CHRISTMAS EVE) DAN HARI NATAL (CHRISTMAS) DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB))**

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN PERAYAAN PRA-NATAL DAN HARI NATAL DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM</b>  Untuk penganut Kristian sahaja	Tempoh masa sembahyang tidak melebihi 1 jam 30 minit dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi dalam tempoh 45 minit sebelum waktu sembahyang berikutnya.  50% daripada kapasiti rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal	Penganut dinasihatkan memakai pelitup muka sepanjang masa  Mewajibkan penganut mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter	Pengurusan Rumah Ibadat Bukan Islam serta ahli-ahlinya perlu bertanggungjawab mematuhi SOP Rumah Ibadat Bukan Islam semasa menyambut perayaan tersebut	Aktiviti berkumpulan di dalam atau di luar rumah ibadat bukan Islam  Bersalaman, berpelukan, bersembang di dalam / luar rumah ibadat bukan Islam  Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan

Tarikh dikemaskini: 19 Disember 2020



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP UNTUK PERAYAAN PRA-NATAL (*CHRISTMAS EVE*) DAN HARI NATAL (*CHRISTMAS*) DI RUMAH KEDIAMAN  
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB))

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN PERAYAAN PRA-NATAL DAN HARI NATAL DI RUMAH KEDIAMAN</b>  Untuk tetamu sahaja	Tempoh tetamu berada di rumah tidak melebihi 2 jam	Ketua keluarga perlu memastikan pengunjung ke rumah memakai pelitup muka  Ketua keluarga perlu memastikan pengamalan penjarakan fizikal 1 meter	Ketua Keluarga termasuk tetamu perlu bertanggungjawab mematuhi SOP Rumah Ibadat Bukan Islam semasa menyambut perayaan tersebut	Aktiviti berkumpul, bersalaman, berpelukan, bersembang di dalam / luar rumah  Mengadakan sebarang aktiviti berjadual di dalam / luar seperti kelas keagamaan dan kebudayaan

Tarikh dikemaskini: 19 Disember 2020